

TAHAP PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM
DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN BIDANG SIRAH

Abu Bakar bin Hashim
abu11-962@epembelajaran.edu.my
Nor Alniza binti Azman
alniza11-69@epembelajaran.edu.my
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

Abstrak

Antara matlamat pembelajaran bidang sirah adalah untuk melahirkan murid yang memiliki keperibadian mulia seperti Rasulullah SAW dan para sahabat dan guru merupakan penggerak utama dalam menjayakan hasrat ini. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap pengetahuan dan kemahiran GPPI dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) sirah. Borang soal selidik digunakan melibatkan 109 responden dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi. Analisis data menggunakan perisian SPSS 26.0 yang melibatkan analisis deskriptif (min dan sisisian piawai) serta analisis inferensi (ujian Korelasi Pearson). Analisis Cronbach Alpha bagi kajian rintis yang menunjukkan tahap kebolehpercayaan adalah 0.93. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan dan tahap kemahiran GPPI dalam PdPc bidang sirah kedua-duanya berada pada tahap tinggi manakala hasil analisis Korelasi Pearson pula menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran GPPI dalam PdPC bidang sirah. Dari sudut implikasi, kajian ini dapat memberi idea dan buah fikiran kepada guru pelatih dan guru Pendidikan Islam berkenaan aspek-aspek kompetensi diri yang perlu direfleksikan dan seterusnya ditambahbaik khususnya dari sudut pengetahuan dan kemahiran mengelola pengajaran sirah.

Kata kunci : Guru Pelatih, Pengetahuan, Kemahiran, Pemudahcaraan, Sirah

Abstract

One of the main goals of learning sirah is to produce students who have a noble personality such as the Prophet Muhammad SAW and the companions while the teachers are the main players in achieving this goal. Thus, this study was conducted to examine the level of knowledge and skills of GPPI in Teaching and Facilitation (PdPc) of sirah. Questionnaires were used involving 109 participants among trainee teachers at the Institute of Teacher Education, Islamic Education Campus, Bangi. Data analysis used SPSS 26.0 software which involved descriptive analysis (mean and standard deviation) as well as inferential analysis (Pearson Correlation test). Cronbach Alpha analysis for the pilot study showed a level of reliability of 0.93. The results showed that the level of knowledge and skill level of GPPI in PdPc of sirah are both at a high level while the results of Pearson Correlation analysis showed that there is a positive relationship between knowledge level and skill level of GPPI in PdPC sirah field. In terms of implications, this study can provide ideas and thoughts to trainee teachers and Islamic Education teachers regarding aspects of self-competence that need to be reflected and further improved, especially in terms of knowledge and skills to conduct the teaching of sirah.

Keywords : Trainee Teachers, Knowledge, Skills, Facilitation,Sirah.

Kurikulum Pendidikan Islam telah dibina bertunjangkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dengan matlamat untuk melahirkan individu muslim yang cemerlang secara holistik (syumul) merangkumi aspek jasmani, rohani, akal, amalan, sosial dan seterusnya mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat (Alniza Azman, 2019). Dalam usaha mencapai matlamat yang besar ini, Pendidikan Islam di sekolah rendah telah dibahagikan kepada tujuh bidang iaitu Aqidah, Ibadah, al-Quran, Hadis, Adab, Jawi dan Sirah. Setiap bidang memiliki peranan yang signifikan bagi mencapai matlamat yang terkandung di dalam FPI. Antaranya adalah bidang sirah. Berdasarkan frasa “membentuk diri dan

“mengasuh peribadi” dalam FPI, bidang sirah mempunyai peranan sangat penting kerana komponen utama sirah adalah mencungkil *ibrah* (pengajaran) daripada peristiwa-peristiwa yang dilalui oleh Rasulullah SAW dan para sahabat r.a.

Walau bagaimanapun, kurikulum yang sistematik sahaja tidak memadai bagi mencapai hasrat yang besar ini. Sebaliknya, menurut Syed Kamaruzaman Syed Ali (2011), guru sebagai pelaksana kepada kurikulum perlu memainkan peranan yang proaktif, inovatif dan mengutamakan hasil kerja yang bermutu tinggi dan mengikut peredaran masa. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan meninjau sejauh manakah tahap kesediaan GPPI dari aspek pengetahuan dan kemahiran dalam bidang sirah ke arah mewujudkan perubahan yang dihasratkan oleh FPI. Hasil daptatan diharapkan dapat menyumbang idea dan buah fikiran kepada guru pelatih dan guru Pendidikan Islam berkenaan aspek-aspek kompetensi diri yang perlu direfleksikan dan seterusnya ditambahbaik khususnya dari sudut pengetahuan dan kemahiran megelola pengajaran sirah.

Pernyataan Masalah

Fenomena keruntuhan akhlak yang semakin menjadi-jadi dalam kalangan remaja telah mendapat banyak reaksi dalam kalangan ahli akademik. Terdapat banyak kajian yang berusaha merungkai faktor yang menyumbang kepada masalah ini. Kebanyakan kajian mengetengahkan peranan sektor pendidikan dalam menerapkan unsur nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah. Antaranya ialah kajian Alniza Azman (2019) yang mengaitkan tahap amalan nilai murni murid dengan tahap kefahtaman mereka terhadap komponen sirah dan tamadun Islam. Selain itu, kajian A'dawiyah Ismail (2019) pula menyarankan supaya GPI memainkan peranan sebagai pendakwah di sekolah. Kedua-dua kajian lepas ini memperlihatkan bahawa institusi pendidikan berfungsi sebagai pusat pembentukan akhlak kepada generasi muda.

Namun begitu, berdasarkan kajian lepas yang berkaitan dengan bidang sirah, GPI didapati tidak memiliki kefahtaman yang jelas terhadap makna tamadun dan sejarah Islam (Mohd Yusri, 2005). Ini merupakan satu isu yang besar kerana matlamat utama pengajaran sirah tidak dapat dicapai jika guru sendiri tidak jelas dengan makna tamadun dan sejarah Islam. Kelemahan GPI dalam penguasaan pengetahuan turut dibincangkan di dalam kajian Rozita Mustapha (2011) yang mendapati bahawa GPI memiliki pengetahuan yang rendah berkenaan bahan bantu mengajar (BBM) serta tidak memiliki pengkhususan dalam bidang sejarah Islam. Dari sudut pengetahuan kurikulum, Rohaza Che Ros (2010) menyatakan bahawa guru pelatih kurang memahami sukanan pelajaran yang terkandung di dalam Dokumen Standard Kurikulum & Pentaksiran (DSKP).

Dari aspek kemahiran pula, GPI juga didapati lebih gemar menggunakan strategi berpusatkan guru dan kaedah tradisional seperti syarahan, penerangan dan kuliah (Abdul Halim Tamuri, 2012). Kaedah tradisional tidak sesuai dalam pengajaran sirah kerana murid mudah bosan jika hanya mendengar semata-mata. Menurut Rohaza Che Ros (2010) pula menyatakan bahawa guru pelatih mesih mengalami masalah untuk merancang kaedah pengajaran yang sesuai berdasarkan objektif khusus pengajaran. Ini merupakan satu isu yang kritikal kerana kemahiran merancang akan menentukan kelancaran dan keberkesanan proses pengajaran guru di dalam bilik darjah.

Berdasarkan kajian lepas juga, tidak banyak kajian berkaitan Pendidikan Islam yang memberi fokus utama kepada bidang sirah (Rohani Misropi, 2017). Kebanyakan kajian lepas yang membahaskan aspek pembentukkan sahsiah murid lebih memberi tumpuan kepada bidang adab. Sebaliknya, kajian yang memberi fokus kepada bidang sirah dan peranannya dalam pembentukan akhlak murid adalah agak kurang. Di dalam subjek Pendidikan Islam, sememangnya sudah terdapat bidang adab yang menyentuh aspek nilai murni secara langsung. Namun, bidang sirah seharusnya turut diberi tumpuan kerana sirah memiliki keunikan tersendiri iaitu murid berpeluang menghayati nilai murni melalui *ibrah* daripada kisah perjuangan Rasulullah SAW dan para sahabat. Selain itu, kajian berkaitan kurikulum sirah dan tamadun Islam juga dilihat banyak melibatkan sekolah menengah seperti kajian Rohani Misropi (2017) dan Alniza Azman

(2019). Oleh itu, pengkaji merasakan perlunya melaksanakan kajian yang khusus tentang pengajaran bidang sirah di sekolah rendah.

Seterusnya, pengkaji melihat kajian-kajian yang menumpukan perbincangan terhadap pengajaran guru dalam bidang sirah dan tamadun Islam kebanyakannya sudah melebihi 10 tahun yang lepas seperti kajian Mohd Yusri (2005) dan Rozita Mustapha (2011). Ini agak ketinggalan setelah pelbagai usaha dan inisiatif terbaru yang dilaksanakan oleh KPM. Justeru itu, pengkaji terdorong untuk meninjau kesediaan guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) dalam PdPc bidang sirah di sekolah rendah bagi merungkai persoalan berkaitan tahap pengetahuan dan kemahiran GPPI dalam mengelola PdPc bidang sirah. Hal ini kerana menurut Maimun Lubis, Nurul Hassan & Isa Hamzah (2017) guru merupakan aset utama yang berperanan sebagai pelaksana kepada dasar-dasar kerajaan dalam bidang pendidikan.

Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan GPPI dari sudut pengetahuan dan kemahiran dalam PdPc bidang sirah serta mengenal pasti hubungan antara kedua-dua boleh ubah ini.

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan GPPI dalam PdPc bidang sirah.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran GPPI dalam PdPc bidang sirah.
3. Mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan GPPI dengan tahap kemahiran guru pelatih.

Soalan Kajian

Persoalan utama dalam kajian ini adalah :

1. Apakah tahap pengetahuan GPPI dalam PdPc bidang sirah?
2. Apakah tahap kemahiran GPPI dalam PdPc bidang sirah?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran GPPI dalam PdPc bidang sirah?

Tinjauan Literatur

Dari sudut bahasa, sirah bererti jalan manakala dari sudut istilah, sirah bermaksud suatu catatan yang bersangkutan dengan tindak-tanduk dan perjuangan Rasulullah s.a.w bermula dengan kelahiran sehingga kewafatan baginda (Said Ramadan, 2008). Disiplin ilmu sirah lahir dan berkembang bermula dari zaman sahabat yang menghafal dan memindahkan perkataan nabi dan peristiwa-peristiwa yang berlaku kepada para tabi'in. Usaha ini kemudiannya diteruskan oleh barisan *tabi' at-tabi'in* dan perawi-perawi yang serius menyahut perintah Rasulullah s.a.w supaya menyampaikan dari baginda walau sepotong ayat (Safiyurrahman, 2019). Keseriusan para ulama dalam memastikan rekod dan catatan berkaitan sirah Rasulullah s.a.w sentiasa terjaga dari sebarang penyelewengan menunjukkan betapa mereka menganggap legasi ilmu sirah sebagai sesuatu yang sangat penting.

Menurut Alniza Azman (2019), kefahaman yang baik terhadap komponen sirah dapat mendorong murid mengaplikasikan nilai murni melalui keteladanan terhadap Rasulullah SAW dan sahabat baginda. Kefahaman murid pula amat berkait rapat dengan kompetensi, kesungguhan dan kesediaan guru dalam menyampaikan isi pelajaran. Justeru, di dalam kajian ini, pengkaji akan memberi fokus kepada kesediaan GPPI sebagai pelaksana kepada kurikulum sirah di sekolah rendah. Hala tuju pendidikan negara boleh dilihat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang menggariskan strategi dan inisiatif kerajaan untuk melakukan transformasi sistem pendidikan negara secara menyeluruh. Untuk itu, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah komprehensif merangkumi pemerkasaan institut latihan keguruan, organisasi sekolah, program dan kursus peningkatan kualiti guru. Standard Guru Malaysia 2.0 (SGM) umpamanya telah dirombak semula dengan memberi penekanan kepada kualiti pengurusan kurikulum, pengurusan PdPc dan kemenjadian murid. Oleh yang demikian, di dalam kajian ini, kesediaan

guru akan dilihat berdasarkan konstruk pengetahuan dan kemahiran guru dalam mengelola PdPc bidang sirah sejajar dengan empat domain kompetensi guru yang terdapat di dalam Standard Guru Malaysia (SGM2.0).

Aspek pengetahuan GPPI akan dilihat berdasarkan tiga konstruk iaitu pengetahuan terhadap kurikulum, kandungan dan pedagogi bidang sirah. Menurut Rohani Misropi (2017), guru mesti memiliki pengetahuan yang jelas terhadap apa yang hendak diajarkan serta yakin terhadap nilai dan keperluan bidang tersebut. Beliau menambah lagi, pengetahuan berkaitan bidang sirah khususnya perlu sentiasa ditambah dan diperkuuh dari semasa ke semasa termasuklah ilmu alat seperti bahasa Arab dan ilmu geografi di Semenanjung Tanah Arab yang boleh membantu guru dalam penyampaian. Selain itu, aspek kemahiran juga sangat penting sejajar dengan kedudukannya di dalam domain kompetensi SGM 2.0 iaitu instruksional yang meliputi proses merancang, melaksana dan membuat pentaksiran.

Kedua-dua domain ini iaitu pengetahuan dan kemahiran saling berhubung kait antara satu sama lain. Hal ini sejajar dengan pandangan Norhaya Isa (2015) yang mendapati tahap pengetahuan mempunyai hubungan secara langsung dengan tahap kemahiran guru. Imam al-Ghazali *rahimahullah* (1058-1111) di dalam *Kitab al-'Ilm* dari *Ihya' Ulum ad-Din* memberi penekanan kepada persiapan ilmu dalam melahirkan guru yang berkredibiliti untuk membimbangi murid (Wan Suhaimi Wan Abdullah, 2019). Menurut Lastri Syamhudi (2010) ketika mengulas pemikiran Imam al-Ghazali *rahimahullah* terhadap guru, guru pada pandangan Imam al-Ghazali tidak hanya mampu menyampaikan ilmu semata-mata tetapi memiliki ciri-ciri kompetensi untuk membina anak didik secara individu. Imam al-Ghazali juga menyarankan supaya guru menguasai ilmu psikologi bagi membina hubungan yang rapat dengan murid (Rohani Misropi, 2017). Kerana itulah, di dalam karya-karya beliau, Imam al-Ghazali banyak menggunakan istilah *al-walid* (ibu bapa) bagi menjelaskan peranan guru (Lastri, 2010). Hubungan yang erat antara guru dan murid akan melahirkan rasa saling percaya dan akan mendorong murid untuk mudah menerima pengajaran guru.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan untuk melihat tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih Pendidikan Islam (GPPI) dalam PdPc bidang sirah. Kajian tinjauan sangat sesuai untuk mengetahui sesuatu isu, masalah dan fenomena dan seterusnya membuat kesimpulan umum ke atas keseluruhan populasi (Noraini, 2010). Justeru, reka bentuk ini adalah paling sesuai memandangkan pengkaji ingin meninjau hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran.

Pensampelan

Kajian ini dijalankan di Insitut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) memandangkan IPG KPI merupakan kampus induk bagi guru pelatih yang mengambil kursus Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Berdasarkan data yang diperoleh daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) IPG KPI, terdapat seramai 131 guru pelatih yang mengambil kursus Pendidikan Islam yang sudah pernah mengikuti latihan praktikum ketika semester 5 dan 7. Bagi menentukan saiz sampel dalam sesebuah populasi, pengkaji telah merujuk jadual (Krejcie & Morgan 1970). Saiz sampel bagi populasi 131 orang adalah seramai 97 orang yang diperlukan.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Instrumen bagi kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang terdiri daripada tiga bahagian. Item bahagian A adalah berkaitan demografi responden, item bahagian B pula berkaitan tahap pengetahuan GPPI, bahagian C pula tentang tahap kemahiran GPPI. Item-item ini dibina dengan membuat adaptasi daripada kajian Rohani Misropi (2017) dan Nor Alniza (2019). Di dalam soal selidik ini, skala Likert lima mata digunakan bermula dengan nilai yang terendah kepada nilai tertinggi iaitu Sangat Tidak Setuju (1),

Tidak Setuju (2), Tidak Pasti (3), Setuju (4) dan Sangat Setuju (5). Seramai 109 orang responden dari kalangan guru pelatih di IPGKPI, Bangi terlibat melalui teknik persampelan secara rawak mudah. Bagi menentukan kesahan kandungan dan konstruk kajian, sebanyak dua orang penyelia pembimbing yang pakar dan berpengalaman dalam bidang Pendidikan Islam telah terlibat. Penambahbaikan item dibuat berdasarkan penilaian dan semakan pakar. Bagi menentukan tahap kebolehpercayaan pula, sebuah kajian rintis telah dijalankan. Nilai *Cronbach Alpha* bagi keseluruhan item adalah 0.93 menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi. Analisis data dilaksanakan dengan menggunakan perisian Statistical Packages for Social Science (SPSS) versi 26.0. Analisis deskriptif dijalankan berdasarkan nilai min dan sisihan piawai manakala analisis inferensi pula berdasarkan ujian Korelasi Pearson.

Bagi menentukan tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru pelatih, interpretasi dibuat berdasarkan jadual pengiraan sela jeda yang dibina oleh Bahaman & Turiman (1999).

Jadual 1

Interpretasi Skala Min

| Nilai Min | Interpretasi |
|------------------|------------------|
| 1.00 hingga 2.00 | Rendah |
| 2.01 hingga 3.00 | Sederhana Rendah |
| 3.01 hingga 4.00 | Sederhana Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Tinggi |
| 4.01 hingga 5.00 | Tinggi |

Sumber: Bahaman & Turiman (1999).

Dapatan Kajian

Bagi dapatan kajian, analisis deskriptif dilaksanakan bagi objektif 1 dan 2 iaitu tahap pengetahuan dan kemahiran. Seterusnya, analisis inferensi dijalankan menggunakan ujian Korelasi Pearson untuk menganalisis hubungan antara pemboleh ubah pengetahuan dan kemahiran GPPI.

A. Profil Responden

Dari sudut demografi kajian, responden terdiri daripada 49 responden lelaki dan 60 responden perempuan. Kesemua 109 guru pelatih ini adalah dari *kohort* ambilan Jun 2017 yang merupakan semester terakhir pada tahun ini. Jadual 1.1 menerangkan tentang latar belakang sampel kajian secara lebih terperinci. Kesemua responden ini juga telah berpengalaman menjalani program praktikum selama tiga bulan pada tahun 2019 (Praktikum Fasa 1) dan tambahan tiga bulan lagi pada tahun 2020 (Praktikum Fasa 2).

Jadual 2

Bilangan Responden Berdasarkan Jantina

| Demografi | Item | Kekerapan | Peratusan (%) |
|-----------|-----------|-----------|---------------|
| Jantina | Lelaki | 49 | 44.95 |
| | Perempuan | 60 | 55.06 |

B. Tahap Pengetahuan GPPI

Berdasarkan analisis deskriptif berdasarkan nilai min, kajian mendapati tahap pengetahuan GPPI dalam PdPC bidang sirah berada pada tahap yang tinggi secara keseluruhan dengan nilai skor min sebanyak 4.24 dan sisan piawai sebanyak 0.48. Ini dikira tinggi menurut interpretasi skor min oleh Bahaman & Turiman (1999). Pengkaji juga telah melakukan analisis deskriptif berdasarkan tiga konstruk dalam pemboleh ubah pengetahuan iaitu pengetahuan kurikulum, kandungan dan pedagogi. Berdasarkan jadual interpretasi skala min, ketiga-tiga konstruk menunjukkan tahap yang tinggi.

Jadual 3
Nilai skor min berdasarkan item soalan

| Item Soalan | Skor min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|--|-----------------|-----------------------|---------------------|
| 1 Saya mengetahui matlamat utama Pendidikan Islam. | 4.50 | .53 | Tinggi |
| 2 Saya mengetahui matlamat khusus pembelajaran Sirah. | 4.24 | .60 | Tinggi |
| 3 Saya mengetahui standard kandungan bidang Sirah yang terdapat di dalam DSKP. | 4.39 | .65 | Tinggi |
| 4 Saya telah mempelajari semua kandungan silibus bidang Sirah bermula dari kelahiran Rasulullah saw sehingga kewafatan baginda. | 4.41 | .69 | Tinggi |
| 5 Saya tahu merujuk bahan rujukan yang kukuh sebelum mengajar bidang Sirah seperti kitab ‘Fiqh Sirah’ dan kitab ‘ar-Rahiq a’-Makhtum’. | 4.06 | .83 | Tinggi |
| 6 Saya sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan dalam bidang Sirah melalui pembacaan. | 4.22 | .69 | Tinggi |
| 7 Saya mempunyai pengetahuan berkaitan strategi pengajaran bidang Sirah. | 4.10 | .74 | Tinggi |
| 8 Saya tahu mengenai bahan bantu mengajar yang sesuai bagi bidang Sirah. | 4.18 | .74 | Tinggi |
| 9 Saya tahu bentuk pentaksiran yang tepat dalam bidang Sirah bagi menguji murid. | 4.09 | .68 | Tinggi |

Jika dibandingkan, konstruk pedagogi memperoleh nilai min paling rendah berbanding pengetahuan kandungan dan kurikulum. Hal ini disebabkan nilai min bagi item B7 “Saya mempunyai pengetahuan berkaitan strategi pengajaran bidang Sirah” dan item B8 “Saya tahu mengenai bahan bantu mengajar yang sesuai bagi bidang Sirah” masing-masing sebanyak 4.10 dan 4.18 berada di bawah nilai min keseluruhan.

A. Tahap Kemahiran GPPI

Bagi persoalan kajian tentang aspek kemahiran, kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya, tahap kemahiran GPPI dalam PdPC bidang sirah adalah tinggi iaitu dengan nilai skor min sebanyak 4.30. Pengkaji juga telah melakukan analisis deskriptif berdasarkan tiga konstruk dalam pemboleh ubah kemahiran iaitu perancangan, pelaksanaan dan penutup. Berdasarkan interpretasi skala min, ketiga-tiga konstruk menunjukkan pencapaian yang tinggi.

Jadual 4
Nilai skor min berdasarkan item soalan

| Item Soalan | Skor | Sisihai | Interpretas |
|--------------------|-------------|----------------|--------------------|
|--------------------|-------------|----------------|--------------------|

| | | min | n | i |
|---|--|------|-----|--------|
| | Piawai | | | |
| 1 | Saya mampu merancang pengajaran sebelum mengajar (Rancangan Pengajaran Harian). | 4.62 | .55 | Tinggi |
| 2 | Saya mahir membuat rujukan dari bahan yang berautoriti seperti buku. | 4.31 | .74 | Tinggi |
| 3 | Saya boleh menentukan strategi pengajaran yang sesuai mengikut topik. | 4.34 | .61 | Tinggi |
| 4 | Saya dapat mengaplikasikan teknik bercerita yang menarik. | 4.05 | .76 | Tinggi |
| 5 | Saya boleh dalam memberi inspirasi dan motivasi kepada murid untuk mengamalkan pengajaran dan ibrah. | 4.27 | .61 | Tinggi |
| 6 | Saya mahir dalam mengelola bahan bantu mengajar (BBM) untuk mencapai objektif pengajaran. | 4.22 | .64 | Tinggi |
| 7 | Saya mempunyai kemahiran ICT dan memanfaatkannya dalam sesi pengajaran Sirah. | 4.41 | .69 | Tinggi |
| 8 | Saya boleh mencipta soalan atau modul yang sesuai mengikut topik yang diajar. | 4.30 | .56 | Tinggi |
| 9 | Saya dapat menentukan tahap pencapaian murid melalui kaedah pentaksiran yang sesuai. | 4.28 | .65 | Tinggi |

Jika dibuat perbandingan, konstruk perancangan memperoleh nilai min paling tinggi malah mengatasi nilai min keseluruhan. Apabila dilihat kepada analisis deskriptif berdasarkan item, konstruk perancangan memperoleh nilai min tertinggi disebabkan item C1 “Saya mampu merancang pengajaran sebelum mengajar (Rancangan Pengajaran Harian)” yang mendapat nilai min sebanyak 4.62 iaitu jauh lebih tinggi berbanding min keseluruhan (min = 4.30). Konstruk pelaksanaan pula mencatatkan nilai min terendah disebabkan item C4 “Saya dapat mengaplikasikan teknik bercerita yang menarik” yang memperoleh nilai min sebanyak 4.05 yang berada di bawah paras min keseluruhan iaitu 4.30.

B. Hubungan Antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran

Bagi menjawab persoalan kajian berkaitan hubungan antara tahap pengetahuan GPPI dengan tahap kemahiran GPPI dalam PdPC bidang Sirah, pengkaji telah menjalankan ujian Pekali Korelasi Pearson. Hasil analisis mendapati bahawa pekali korelasi Pearson antara tahap pengetahuan GPPI dengan tahap kemahiran GPPI adalah $r = 0.80$, $P = 0.00$ ($p < 0.05$). Ini menunjukkan dua pemboleh ubah ini berhubung secara positif. Nilai pekali korelasi sebanyak $r=0.80$ menjelaskan bahawa hubungan antara dua pemboleh ubah ini kuat.). Maka hipotesis nol 2 kajian adalah ditolak.

Jadual 5
Hasil Analisis Ujian Pekali Korelasi Pearson

| Konstruk | Pekali Korelasi Pearson (r) | Tahap Signifikan | Interpretasi Kekuat Hubungan |
|-------------------------------------|-----------------------------|------------------|------------------------------|
| Hubungan Pengetahuan Kemahiran GPPI | 0.80 | 0.00 | Kuat |

Perbincangan dan Cadangan

Kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan GPPI adalah berada pada tahap yang tinggi. GPPI memiliki pengetahuan yang kukuh sama ada dari sudut kurikulum, kandungan sirah dan ilmu pedagogi. Ini selari dengan dapatan dari kajian Razila Kasmin et. al (2019) dan Rohani Misropi (2017). Dapatkan ini bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana GPPI telah megikuti subjek atau kursus berkaitan sirah selama tiga semester di IPG. Kursus *Tarikh Islami* dan Kursus Pengajian Sirah berperanan menyediakan GPPI dari sudut pengetahuan kandungan bermula dari peristiwa kelahiran Rasulullah SAW sehingga kewafatan baginda SAW dan seterusnya era *Khulafa ar-Rasyidin* serta tiga kerajaan Islam terawal. Kursus Pedagogi Pendidikan Islam pula menyediakan GPPI dengan pengetahuan berkaitan kurikulum dan pedagogi bidang Sirah seperti kaedah bercerita, lawatan, lakonan dan projek. Namun begitu, kajian ini agak bertentangan dengan kajian Mohd Yusri (2005) dan Rozita Mustapha (2011) yang menyatakan bahawa GPI tidak memiliki pengetahuan dan keahlian dalam pengajaran sirah dan tamadun Islam.

Seterusnya, pengkaji ingin memberi tumpuan kepada dapatan bagi konstruk dengan nilai min terendah iaitu pengetahuan pedagogi. Ini disebabkan oleh analisis item tentang pengetahuan GPPI berkaitan BBM dalam bidang sirah yang berada di bawah paras nilai min keseluruhan. Menurut Faeez Ilias (2014), kurangnya pengetahuan tentang BMM akan menjasarkan motivasi GPI untuk menggunakan BBM dalam PdP. Bagi mengatasi isu ini, pengkaji berpendapat, pihak institusi atau agensi latihan perguruan perlu menganjurkan kursus, program dan bengkel berkaitan BBM yang memberi fokus spesifik bagi bidang sirah dan bukannya secara umum kepada keseluruhan subjek Pendidikan Islam.

Bagi objektif kedua iaitu tahap kemahiran GPPI, hasil kajian memperlihatkan bahawa GPPI mahir dalam merancang pembelajaran, melaksanakan PdPc dan membuat penutup. Dapatkan ini selari dengan kajian (Zaharah Aziz et. al, 2016 & Abdul Hamid Ali et. al, 2017) yang mendapati kompetensi guru pelatih di IPG ambilan 2011/2016 dalam melaksanakan latihan mengajar adalah semakin tinggi. Menurut Abdul Hamid Ali (2017), GPPI menunjukkan peningkatan peratus skor A+ daripada 10.5% pada praktikum fasa 1 kepada 36.8% pada fasa 2. Hasil analisis item pula menunjukkan GPPI paling mahir dalam aspek perancangan. Pada pandangan pengkaji, antara faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kemahiran GPPI ini adalah disebabkan silibus dan sistem bimbingan terarah yang terdapat di IPG iaitu setiap pensyarah ditugaskan memantau, memberi tunjuk ajar, membaiki kelemahan GPPI ketika praktikum secara berfokus.

Namun begitu, GPPI dilihat perlu menambahbaik aspek pelaksanaan. Ini kerana, berdasarkan analisis item berkaitan pelaksanaan teknik bercerita, GPPI memperoleh nilai min yang lebih rendah berbanding min keseluruhan. Kaedah bercerita sangat signifikan dalam pengajaran sirah kerana menurut Aishah Abdul Malek et. al (2019), murid akan memberi tumpuan yang lebih kepada setiap plot penceritaan sehingga penamat jika guru bijak mengadunkan teknik ekspresi muka, intonasi suara, gaya tubuh dan alat bercerita. Oleh itu, agak rugilah jika GPPI tidak mengoptimumkan kaedah ini di dalam PdPc sirah. Menurut Azlan Zanzali & Hasriani Asri (2011), antara faktor yang menyebabkan guru pelatih tidak dapat mengaplikasikan kaedah pengajaran yang telah dipelajari di institut latihan dengan baik adalah disebabkan perasaan malu dan kurang yakin. Oleh itu, bagi meningkatkan tahap keyakinan GPPI dalam melaksanakan kaedah pengajaran bidang sirah, jabatan-jabatan berkaitan di IPG boleh menganjurkan program-program berbentuk pengucapan awam, program tazkirah, pengacaraan dan pembentangan forum yang mampu membina keyakinan guru pelatih.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan GPPI dengan tahap kemahiran. Kedua-duanya berhubung secara positif dengan kekuatan hubungan yang tinggi. Hal ini menunjukkan, semakin tinggi tahap pengetahuan GPPI dari aspek kurikulum, kandungan dan pedagogi, maka semakin tinggi tahap kemahiran GPPI dalam mengelola PdPc. Dapatan kajian dilihat selari dengan kajian (Norhaya Isa, 2015 ; Basyira Rahman, 2018) yang mendapati tahap pengetahuan mempunyai hubungan secara langsung dengan tahap kemahiran guru.

Hal ini selari dengan Teori Guru Berkesan Imam al-Ghazali yang dikemukakan oleh Rohani Misropi (2017) iaitu seorang guru perlu memiliki persiapan ilmu yang kukuh untuk menjadi pendidik yang mahir dalam membimbing murid. Wan Suhaimi Wan Abdullah (2019) mengulas sebuah analogi yang dibuat oleh Imam al-Ghazali *rahimahullah* (1058-1111) di dalam *Kitab al-'Ilm dari Ihya' Ulum ad-Din* iaitu mengajar ilmu itu seperti perihal harta. Seseorang yang sedikit hartanya, tidak mampu menjadi orang yang menginfak harta dan begitu juga dengan seseorang yang rendah ilmunya tidak mampu menyampaikan ilmu dengan baik dan berkesan. Dari konteks profesi keguruan, kurangnya pengetahuan guru tentang ilmu pedagogi yang telah disusun secara teliti dari sudut tatacara dan langkah seperti teknik penyoalan, kaedah lawatan, bercerita dan main peranan akan menjasakan kemahiran guru untuk mengelola PdPc dengan berkesan. Contoh keteraturan ilmu pedagogi yang boleh dibincangkan adalah teknik penyoalan. Di dalam kelas pedagogi, GPPI diajar untuk mengutarakan soalan terlebih dahulu dan kemudian barulah meminta murid menjawab untuk memberi masa kepada murid untuk berfikir. Jika guru tidak memiliki pengetahuan pedagogi ini, kemahirannya mengurus sesi pengajaran akan terjejas dan memberi kesan tidak baik kepada kefahaman murid.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kajian ini adalah mengenai tahap kesediaan GPPI dalam PdPc bidang sirah. Dapatan kajian dapat membuktikan bahawa GPPI memiliki tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi. Malah, kedua-dua aspek ini mempunyai hubungan secara langsung dan signifikan. Justeru, kajian ini diharapkan dapat membantu guru mengenal pasti tahap kompetensi sedia ada dan aspek kompetensi yang boleh dibangunkan bagi melaksanakan PdPc dengan lebih berkesan. Implikasi terhadap murid pula adalah dapat merasai pengalaman pembelajaran sirah yang lebih berkualiti dan berkesan merangkumi aspek peningkatan kognitif dan penghayatan nilai-nilai Islam (afektif) yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah saw dan para sahabat. Hal ini secara tidak langsung dapat menyumbang kepada usaha mengangani krisis akhlak dalam kalangan murid.

Dari sudut Institut Pendidikan Guru dan agensi latihan perguruan, kajian ini diharapkan dapat memberi saranan dalam penyediaan dan penyelarasaran program bagi memenuhi keperluan latihan mengikut kriteria kompetensi yang terkandung di dalam Standard Guru Malaysia (SGM). Contohnya, bagi memupuk minat guru pelatih Pendidikan Islam dalam bidang sirah, pihak IPG dan agensi latihan lain boleh menganjurkan program seperti pengajian kitab sirah seperti Fiqh as-Sirah serta forum dan *usrah* yang membincangkan ibrah-ibrah dari peristiwa Sirah.

Rujukan

- Abdul Halim Tamuri (2012). *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam Basic Components for Islamic Education Teacher Training*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43650 Bangi, Selangor, Malaysia.
- Ab.Hamid Ali et. al & Nazri Abdul Rahman (2017). *Kompetensi Guru Pelatih Di Sebuah Institut Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar*. Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu, Kelantan & Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

- A'dawiyah Ismail (2019). *Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak*. Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan. Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia
- Aishah Abdul Malek & Nazri Abdul Rahman (2019). *Pendekatan Bercerita Berasaskan Kurikulum Berkepelbagai Budaya Untuk Pembelajaran Literasi Awal Kanak-Kanak*. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik Julai 2019, Bil. 7, Isu 3.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S. (1999). Statistic for Social Research with Computer Application. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia Press.
- Basyira Rahman (2018). *Hubungan Antara Tahap Kefahaman Guru Terhadap Pembelajaran Abad Ke 21 (PA21) Dengan Tahap Pelaksanaannya Oleh Guru Sekolah Rendah Di Zon Bintulu*.
- Faez Ilias (2014). *Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Guru Pendidikan Islam Menengah Rendah Negeri Johor*. Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia
- Lastri Syamhudi (2010). *Pemikiran Al-Ghazali Tentang Guru*. Fakultas Tarbiyah Dan Keguruan Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau Pekanbaru
- Maimun Lubis, Nurul Hassan & Isa Hamzah (2017). *Tahap Pengetahuan Dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Jurnal Pendidikan Malaysia : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusri Mustapha (2005). *Permasalahan Pengajaran Tamadun Islam di Sekolah Menengah di Daerah Kinta*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit McGraw Hill Education.
- Nor Alniza (2019). *Kefahaman Terhadap Ketokohan Khulafa ar-Rasyidin Sebagai Role Model dan Amalan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Puchong Selangor*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razila Kasmin et. al (2019). *Amalan Kualiti Guru Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan*. Journal of Management and Operation.
- Rohani Misropi (2017). *Tahap Kesediaan, Amalan & Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Terhadap Komponen Sirah dan Tamadun Islam*. Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohaza Che Rose (2010). *Masalah Latihan Mengajar Dalam Kalangan Guru Pelatih Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor*. Tesis Sarjana Pendidikan (Pengurusan dan Pentadbiran). Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Rozita Mustapha & Ezad Azraai Jamsari & Norshahidah Zakaria & Nurliyana Mohd Taib (2011). *Permasalahan Pengajaran Guru Pendidikan Islam bagi Komponen Tamadun Islam : Satu Pemerhatian Awal di Sekolah Menengah Daerah Sepang Selangor*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) : Ulama Pemacu Transformasi Negara hlm. 25-26.
- Said Ramadan (2008). *Fiqh Sirah Jilid 1*. Dewan Pustaka Fajar.
- Saffiyu al-Rahman (2019). *ar-Rahiq al-Makhtum : Sirah Nabawiyah*. Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Syed Kamaruzzaman Syed Ali (2011). Komitmen Guru Dalam Pelaksanaan Kurikulum Dan Inovasi Berkesan. Masalah Pendidikan, 34, 2011. Universiti Malaya.
- Wan Suhaimi Wan Abdullah (2019). *Khulasah Faham Ilmu : Kitab al-Ilm Imam al-Ghazali*. Kuala Lumpur : Pertubuhan Pendidikan Futuwwah.
- Zahara Aziz & Azleena Ismail (2007). *Kesediaan Guru Sejarah Menerapkan Kemahiran Pemikiran Sejarah Kepada Murid*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 32.pp.119-137.ISSN 0126-6020 / 2180-0782 : Universiti Kebangsaan Malaysia